

26/09/2001

Malaysia cadang sidang tangani pengganas

PUTRAJAYA, Selasa - Malaysia mencadangkan supaya satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan diadakan bagi merumuskan pendekatan bersepadu dalam menanganinya, termasuk memberikan takrif sebenar pengganas.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan cadangan itu dalam surat kepada Perdana Menteri Britain, Tony Blair, sebagai balasan kepada permintaan pemimpin itu supaya Malaysia menyokong pakatan antarabangsa bagi memerangi keganasan.

Dr Mahathir sebelum ini dijadualkan melawat Britain dan beberapa negara Eropah, tetapi terpaksa membatalkannya pada saat akhir, berikutan serangan terhadap Amerika Syarikat, 11 September lalu.

Dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini, Perdana Menteri juga berkata, setakat ini tidak ada sebarang bukti bahawa pengganas menyimpan wang di Malaysia untuk membiayai kegiatan keganasan.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, kerajaan akan menyiasat jika ada sebarang maklumat berhubung dakwaan kononnya Osama bin Laden, yang disyaki Amerika mendalangi serangan di New York dan Washington, mempunyai simpanan wang di Malaysia dengan menggunakan nama samaran.

"Setakat ini, daripada nama-nama yang kita terima, penyelidikan sudah dibuat tetapi kita tidak dapat mengesan nama-nama orang yang dikatakan pengganas menyimpan wang dalam sistem perbankan kita," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mahu masyarakat antarabangsa mencari takrif sebenar serta punca keganasan sebelum mengambil langkah menanganinya, kerana keganasan tidak terhad kepada orang Islam saja seperti digambarkan Barat.

"Amerika Syarikat mendakwa tindakan mereka bukan ditujukan kepada orang Islam tetapi pengganas. Bagi mereka pengganas yang dimaksudkan ialah pengganas Islam.

"Kita tidak setuju bahawa semua pengganas adalah orang Islam, ada pengganas daripada penganut agama lain dan bangsa lain. Sebab itulah kita ingin supaya diadakan persidangan bagi menentukan takrifan keganasan dan cara mengatasinya," katanya.

Perdana Menteri diminta mengulas tindakan masyarakat Barat yang menyamakan keganasan dengan Islam semata-mata kerana mereka yang disyaki melakukan serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York dan Pentagon, Washington, mempunyai kaitan dengan Osama dan rangkaian pertubuhannya, al-Qaeda.

Washington turut mengerahkan tentera bagi menyerang kubu jutawan kelahiran rab Saudi itu di Afghanistan.

Dr Mahathir berkata, takrif mengenai keganasan juga perlu mengambil kira keganasan yang dilakukan atau ditaja sesebuah negara terhadap rakyat atau negara lain, seperti yang berlaku di Palestin, Iraq dan Sudan.

"Masalah ini tidak dapat diselesaikan dengan tindakan ketenteraan," katanya.

Perdana Menteri berkata, masyarakat antarabangsa perlu mengenal pasti dan menghapuskan punca mengapa ada pihak yang sanggup melakukan keganasan dan mengorbankan diri kerana percaya dengan perjuangan mereka.

"Ia adalah langkah serampang dua mata bukan sekadar langkah ketenteraan tetapi satu cubaan untuk membuang punca perasaan yang kuat yang membuatkan orang sanggup untuk membunuh diri dalam melaksanakan perjuangan mereka.

"Pada masa ini kita mungkin memburu semua pengganas tetapi tiada jaminan

orang lain tidak akan menjadi pengganas jika puncanya tidak dihapuskan," katanya merujuk pakatan yang diketuai Amerika.

Dalam suratnya, Blair menyentuh antara lain serangan yang disifatkan sebagai dahsyat terhadap Amerika dan meminta Malaysia menyokong tindakan memburu pengganas.

Dr Mahathir berkata, Malaysia bersetuju dengan tindakan memburu pengganas tetapi pada masa sama mahu tindakan awal diambil bagi menangani keganasan di tempat lain, terutama di Palestin.

"Malaysia sudah meminta supaya pasukan pemerhati dihantar ke Palestin tetapi ditentang Israel dan Amerika Syarikat.

"Kita fikir jika tindakan ini diambil, maka lebih mudah untuk menentukan tidak ada keganasan di Palestin sama ada yang dilakukan oleh pihak Palestin atau Israel," katanya.

Ditanya siapa yang akan mengambil inisiatif untuk mengadakan persidangan itu, Dr Mahathir berkata Malaysia akan membuat cadangan rasmi kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Bagaimanapun, katanya, cadangan itu tidak sesuai dikemukakan pada masa ini kerana masyarakat dunia yang diketuai Amerika Syarikat, kini lebih memberi tumpuan memburu pengganas.

"Tetapi saya telah menyebut perkara ini kepada sesiapa sahaja yang saya jumpa dan saya bercakap, termasuk orang Amerika," katanya.

(END)